

## PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM I-THINK DI SEKOLAH RENDAH: SATU PENILAIAN INPUT

### [EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF I-THINK PROGRAM IN PRIMARY SCHOOLS: AN INPUT ASSESSMENT]

PREMALATHA SATHIANARAYANAN<sup>1\*</sup>, NOR HASNIDA CHE MD. GHAZALI<sup>1</sup>, IZAZOL IDRIS<sup>1</sup> &  
MOHD MAZHAN TAMYIS<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul  
Ridzuan

Correspondent Email: madamprem5@gmail.com

---

*Received: 20 February 2023*

*Accepted: 2 March 2023*

*Published: 27 March 2023*

---

**Abstrak:** Perubahan kurikulum di Malaysia dilihat sebagai satu aspek yang penting dalam membentuk sistem pendidikan yang berkualiti dan mampu berinteraksi di peringkat global. Menyedari senario tersebut, pada 27 Julai 2011, Agensi Inovasi Malaysia (di bawah Jabatan Perdana Menteri) dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah berjanji menjalankan satu inisiatif secara berperingkat di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang diberi nama Program i-THINK. Namun, guru masih kekurangan latihan dalaman serta bahan bantu mengajar dalam fizikal bilik darjah untuk melaksanakan Program i-THINK. Ekoran daripada itu, satu kajian telah dilaksanakan untuk mengenal pasti kecukupan sumber bukan manusia dalam pelaksanaan Program i-THINK dengan menggunakan modal CIPP. Pendekatan kuantitatif digunakan untuk melaksanakan kajian ini melalui kaedah kaedah tinjauan. Pengumpulan data kuantitatif ini melibatkan 500 orang guru sekolah rendah di negeri Selangor dengan menggunakan soal selidik yang diadaptasi dari kajian lepas. Pengumpulan data juga telah dikotib secara dalam talian melalui aplikasi Google Forms. Dapatan kajian secara tuntasnya mendapati bahawa persepsi responden terhadap pelaksanaan Program i-THINK dari aspek input berada pada tahap yang tinggi. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Program i-THINK perlu ditambah baik oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Hal ini adalah supaya penekanan dapat diberikan terhadap sumber keperluan guru dalam melancarkan Program i-THINK demi mencapai objektif PPPM (2013-2025) sekaligus merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

**Kata Kunci:** Program i-THINK; Model CIPP; Penilaian Program.

**Abstract:** In Malaysia, changing the curriculum is viewed as a crucial component of creating a high-quality education system that can engage in global interactions. Realizing the situation, on July 27, 2011, the Malaysian Innovation Agency under the Prime Minister's Department and the Malaysian Ministry of Education pledged to carry out an initiative under the Malaysian Education Development Plan (2013–2025). This initiative was given the name of the Program i-THINK. To apply the Program i-THINK, teachers currently lack the necessary internal training and classroom teaching resources. As a result, research was conducted to determine the suitability of non-human resources in the implementation of the Program i-THINK employing CIPP Evaluation Model. This study was conducted using a survey method using a quantitative methodology. A questionnaire modified from a prior study was used to collect quantitative data from 500 primary school teachers in the state of Selangor. The Google Forms programme was used to collect the data. The study's extensive findings revealed that the respondents'

perception of the Program i-THINK implementation from the input evaluation in CIPP Evaluation Model was at a high level. The results of this study suggest that the Curriculum Development Division, State Education Department, and District Education Office should enhance how the Program i-THINK is implemented. This is so that the resources that teachers will require in order to launch the Program i-THINK Program and realise the goals of the PPPM (2013–2025) and the National Education Philosophy can be highlighted.

**Keywords:** Program i-THINK, CIPP model, Programme evaluation.

**Cite This Article:**

Premalatha Sathianarayanan, Nor Hasnida Che Md. Ghazali, Izazol Idris & Mohd Mazhan Tamyis. (2023). Penilaian Pelaksanaan Program I-Think di Sekolah Rendah: Satu Penilaian Input [Evaluation of The Implementation of I-Think Program in Primary Schools: An Input Assessment]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 3(1): 89-101.

## PENGENALAN

Pelaksanaan Program i-THINK di seluruh sekolah di Malaysia bertujuan untuk mengukuhkan dan membiasakan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran agar dapat melahirkan murid yang berfikiran kreatif dan berinovatif. Malah, program i-THINK dilihat seiring dengan sistem pengajaran dan pembelajaran yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang amat menitikberatkan kemajuan seseorang murid dari segi daya intelek, rohani, emosi dan juga jasmani. Justeru, pengkaji berpandangan bahawa pengajaran bersandarkan Program i-THINK merupakan salah satu penghampiran yang boleh dituju ke arah kemahiran berfikir yang dapat mempengaruhi daya intelek seseorang murid.

Perkataan i-THINK terbentuk daripada abjad ‘i’ yang memberi definisi inovasi manakala ‘THINK’ pula berdefinisi suatu pemikiran yang inovatif dan perlu disukma dalam diri semua murid (BPK, KPM, 2012b). Rajah 1.1 menunjukkan logo Program i-THINK.



Rajah 1.1. Logo Program i-THINK Sumber : BPK, KPM (2012b)


Melalui program ini, guru dan murid menggunakan alat berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran selain melaksanakan aktiviti kemahiran berfikir aras tinggi. Menurut BPK, KPM (2012b), kendatipun untuk menggalakkan dan memajukan kemahiran berfikir, Program i-THINK lebih memberi intinya dalam menggunakan alat berfikir peta pemikiran sambil menggunakan teknik penyoalan yang bertapak serta aktiviti yang berfokuskan murid.

Tambahan lagi, peta pemikiran i-THINK yang dihasilkan oleh David Hyerle merupakan satu set teknik untuk menyusun grafik yang diguna pakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Hyerle 2009 ; Weis 2009 ; Gallavan & Kottler 2007) dan ia merupakan bahan bantu mengajar yang utama dalam Program i-THINK. Sebaliknya, bagi menyemai dan memberi dorongan pendidikan dalam jangka masa yang panjang berpadanan dengan Falsafah

Pendidikan Negara, peta pemikiran i-THINK digunakan sebagai alat pengajaran dan pembelajaran. Peta pemikiran i-THINK juga dapat memajukan dan membiasakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid sekolah ke arah mewujudkan murid yang inovatif (Vishalache et al. 2014). Terdapat lapan bentuk peta pemikiran i-THINK yang mudah digunakan mengikut kurikulum yang disediakan. Setiap peta pemikiran mempunyai proses pemikiran yang spesifik mengikut tajuk atau unit pelajaran. Lapan bentuk peta pemikiran ini terdiri daripada peta bulatan, peta buih, peta buih berganda, peta pokok, peta dakap, peta alir, peta pelbagai alir dan peta titi bersama dengan proses pemikiran, soalan-soalan berkaitan, cadangan penggunaan dan kata kunci.

Kajian tentang pelaksanaan Program i-THINK mula mendapat perhatian ramai pengkaji Roselizam dan Rahman (2020); Fadila dan Zamri (2019); Sidek dan Arfah (2017); Lisa (2020); Premalatha et al. (2021). Walaupun begitu, kajian pelaksanaan Program i-THINK belum mencapai hasil seperti yang diinginkan iaitu meliputi aspek guru dalam pelaksanaan Program i-THINK. Sebagai contoh, kajian Aziana dan Fadzilah, (2018) menyatakan bahawa guru masih kurang pendedahan tentang cara pelaksanaan PdPc yang berteraskan kemahiran berfikir seperti diutamakan dalam Program i-THINK. Sementara itu, Shamsazila & Ghazali, (2022) menyatakan bahawa guru masih kekurangan kelengkapan alat dan bahan bantu mengajar dalam fizikal bilik darjah untuk pelaksanaan PdPc yang berbentuk kemahiran berfikir serta menjejaskan pencapaian objektif Program i-THINK.

Seperkara lagi, kajian yang dilakukan oleh Premalatha et al., (2021) mendapati bahawa kajian-kajian terdahulu berkaitan pelaksanaan Program i-THINK dilakukan secara terpencil dan tidak lengkap untuk memberi keterangan yang sebenar tentang isu pelaksanaan Program i-THINK secara menyeluruh. Bukan itu sahaja, kekurangan kajian yang menyeluruh bagi menilai sesuatu program mendatangkan kesukaran kepada pihak pemegang dasar untuk memperoleh maklumat secara menyeluruh dalam membuat keputusan (Abdullah 2020; Madina 2014; Termit & Noorma 2015). Justeru, artikel ini mengemukakan satu kajian penilaian terhadap pelaksanaan Program i-THINK dengan menggunakan Model CIPP (*Context, Input, Process, Product*) yang telah dijalankan untuk menilai pelaksanaan Program i-THINK melalui dimensi konteks, input, proses dan produk. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya menjelaskan satu daripada dimensi-dimensi tersebut, iaitu dimensi input. Berikutnya rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual dimensi input kajian ini. Perbincangan artikel ini seterusnya adalah bersandarkan kepada persoalan kajian, iaitu: Apakah tahap persepsi guru terhadap dimensi input dalam pelaksanaan Program i-THINK di peringkat sekolah rendah.



Rajah. 1 Kerangka Konsep Konseptual Dimensi Input

Dimensi input dalam kajian ini memfokuskan kepada sumber bukan manusia yang terdiri tiga konstruk iaitu latihan dalaman, bahan bantu mengajar dan fizikal bilik darjah. Latihan dalaman adalah penting untuk meningkatkan pengetahuan guru dalam pelaksanaan Program i-THINK. Seterusnya bahan bantu mengajar mendorong dalam melakukan PdPc yang lebih menarik serta mampu membuat murid lebih berfokus. Manalaka fizikal bilik darjah yang selesa merupakan salah satu faktor yang penting dalam melaksanakan Program i-THINK dengan lebih berkesan

## **TINJAUAN LITERATUR**

Model CIPP telah diperkenalkan oleh Dr. Daniel Leroy Stufflebeam sekitar tahun 1960-an dan merupakan satu model yang lebih berorientasikan keputusan dan menyediakan maklumat pencapaian kepada pihak pembina dasar bagi tujuan memperoleh keputusan (Ghazali, 2010). Model CIPP bermaksud Konteks (Context), Input (Input), Proses (Process) dan Produk (Product) dan yakni salah satu model penilaian yang paling awal digunakan dalam membuat penilaian program (International Research, 7 Ogos 2018) dipetik dari kajian (Ranita Manap et al. 2018). Model ini juga sering kali digunakan dalam bidang pendidikan terutamanya dalam melaksanakan penilaian terhadap sesuatu program bagi membuat sesuatu keputusan serta penambahbaikan (Ornstein & Hunkins, 1998). Hal ini juga dibincang dalam kajian Aziz et al. (2018) menyatakan bahawa Model CIPP merupakan model penilaian bagi menaksir sesuatu program yang bertujuan untuk menambah baik program tersebut terutamanya bagi program yang ditawarkan dalam bidang pendidikan dan perkhidmatan manusia. Justeru, penggunaan Model CIPP dalam kajian ini memberi ruang kepada pengkaji mengemukakan cadangan penambahbaikan pelaksanaan Program i-THINK dari segi input berdasarkan dapatan kajian. Ini dilaksanakan dengan mengenalpasti elemen manakah yang memerlukan perubahan dan menunjukkan kejayaan yang boleh dikongsi bersama dan dapat mewujudkan orientasi keputusan yang efektif.

Selain itu, model CIPP juga mempunyai tahap keyakinan yang tinggi dalam kalangan penyelidik luar negara dan penyelidik tempatan. Misalnya, Teshome et al. (2022) menggunakan modal CIPP untuk menilai cabaran permainan bola tampar di kalangan remaja di Amhara Regional State. Manakala, Tuna et al. (2021) menggunakan model CIPP untuk membuat penilaian terhadap program kurikulum bagi pelajar sarjana muda di Turki. Penyelidik tempatan pula, Norazilawati et al. (2016) melakukan penilaian terhadap keberkesanan pentafsiran berasaskan sekolah dalam kalangan guru Sains dengan menggunakan model CIPP di Daerah Batang Padang, Perak. Manakala, dalam bidang pertanian, Munifah et al. (2022) menyatakan modal CIPP digunakan untuk menilai Program Pertanian di negeri Selangor. Kajian Hezzrin (2017) turut menggunakan modal CIPP dalam penilaian program pemulihan kanak-kanak di sekolah. Pengkaji lepas turut melaporkan pelbagai maklumat dan rumusan kajian sebagai sokongan dan rujukan golongan berkepentingan membuat keputusan sama ada secara spesifik mahupun secara umum. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa Model CIPP adalah sesuai digunakan untuk mentaksirkan pelaksanaan Program i-THINK dengan teliti.

Manakala kajian-kajian terdahulu berkaitan pelaksanaan Program i-THINK dari dimensi input menghadapi beberapa cabaran dalam pelaksanaannya di peringkat bilik darjah. Sebagai contoh, dapatan kajian Nik Rosnizasuzila et al. (2015) yang mendapati bahawa guru

sendiri tidak dibekalkan dengan sebarang modul i-THINK mahupun sebagai buku petunjuk mengikut topik yang diajar oleh pihak sekolah mahupun KPM. Shamsazila & Ghazali, (2022) menyatakan bahawa guru masih kekurangan kelengkapan alat dan bahan bantu mengajar dalam fizikal bilik darjah untuk pelaksanaan PdPc yang berbentuk kemahiran berfikir serta menjejaskan pencapaian objektif Program i-THINK. Begitu juga hasil kajian Aziana & Fadzila, (2018) yang mendapati bahawa guru juga masih lemah dalam melaksanakan kemahiran berfikir terhadap murid seperti mana yang ditekankan dalam Program i-THINK disebabkan kurangnya pendedahan terhadap program tersebut. Tambahan lagi, dalam kajian Shamsazila & Ghazali, (2022), guru masih menunjukkan sikap kurang yakin terhadap Program i-THINK dan masih tidak dapat menerima sepenuhnya program ini. Hal ini dapat dikatakan kerana guru masih kurang pendedahan terhadap Program i-THINK dan perkara ini adalah wajar dari segi aspek input terhadap pelaksanaan Program i-THINK di mana ianya harus dikaji dengan teliti bagi mencapai kejayaan yang diharapkan oleh KPM. Berdasarkan gugusan literatur yang dibincangkan di atas, pengkaji menyimpulkan bahawa tiga konstruk yang dapat dikaitkan dengan dimensi input dalam kajian ini adalah; (1) latihan dalaman; (2) bahan bantu mengajar; dan (3) fizikal bilik darjah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah kuantitatif yang sesuai dengan objektif dan persoalan kajian digunakan untuk kajian berbentuk tinjauan. Justeru itu, sebahagian item dalam soal selidik kajian ini dibina berasaskan konsep yang terdapat dalam *Thinking Maps: Synthesis Language of Visual Tools* (Hyerle, 2006) dan kajian Shamsazila (2018). Seterusnya, instrumen dalam kajian ini telah melalui proses pengesahan muka, pengesahan kandungan dan juga pengesahan konstruk. Pengesahan muka ke atas instrumen dalam kajian ini diperoleh daripada dua orang pakar dalam bidang Bahasa Melayu. Sementara pengesahan kandungan soal selidik pula diperoleh daripada tujuh pakar dengan menggunakan pengiraan indeks kesahan kandungan bagi setiap item (*Item-Content validity index-I-CVI*) dan indeks kesahan kandungan bagi keseluruhan skala (*Scale-Content validity index- S-CVI*) (Lynn, 1986). Turut dicadangkan oleh Lynn (1986) ialah sekurang-kurangnya tiga hingga sepuluh orang pakar adalah memadai untuk melakukan kesahan kandungan sesuatu instrumen. Berdasarkan pandangan dan cadangan Lynn (1986) juga, pengkaji memilih seramai tujuh orang pakar rujuk untuk mengesahkan instrumen kajian.

Kemudian, analisis Faktor Penerokaaan (EFA) dilakukan untuk setiap konstruk secara berasingan dan hasilnya menunjukkan bahawa kesemua tiga konstruk tersebut mempunyai dua komponen. Manakala, pemuatan faktor untuk setiap item dalam setiap konstruk ialah  $> 0.6$ , dan Ujian Sfera Bartlett adalah  $< 0.05$  untuk semua konstruk, iaitu signifikan (nilai  $P < 0.05$ ). Sementara Ujian Kaiser-Meyer-Olkin mendapati ukuran kecukupan persampelan adalah lebih tinggi daripada 0.6 untuk semua konstruk. Ini menunjukkan bahawa saiz sampel adalah mencukupi. Seterusnya, melalui Ujian Alpha Cronbach (lihat Jadual 1) yang telah dijalankan, didapati bahawa keseluruhan item konstruk adalah lebih tinggi daripada 0.7. Ini bermaksud item soal selidik dalam kajian ini semuanya boleh dipercayai. Secara ringkasnya, kajian ini mendapati instrumen soal selidik adalah sah dan boleh dipercayai untuk mengukur pelaksanaan Program i-THINK di sekolah rendah.

Konstruk	Jumlah Item	Cronbach's Alpha
Latihan Dalaman	6	$\alpha = .944$
Bahan Bantu Mengajar (BBM)	5	$\alpha = .936$
Fizikal Bilik Darjah	5	$\alpha = .944$

Jadual 1 Ujian Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Pelaksanaan Program i-THINK

Soal selidik dalam kajian ini merangkumi daripada 16 item dalam tiga konstruk. Skala nominal digunakan untuk menghimpun data demografi responden kajian, iaitu jantina dan daerah. Manakala skala selang digunakan untuk mengukur konstruk-konstruk dalam soal selidik. Skala selang 7 mata tersebut berbentuk pernyataan persetujuan antara dua ekstrem, iaitu sangat tidak setuju (STS) dan sangat setuju (SS) untuk responden menandakan pilihan jawapan mereka. Perisian *Statistical Package For the Social Sciences* (SPSS) versi 24.0 digunakan untuk menganalisis data soal selidik yang dikumpul. Data dianalisis secara deskriptif untuk mengetahui tahap persepsi responden terhadap dimensi input dalam pelaksanaan pelaksanaan Program i-THINK. Penetapan skala min yang dipakai dalam kajian ini adalah yang diubahsuai dari kajian Best & Khan (1977). Jadual 2 menunjukkan jadual interpretasi tahap min.

Skor Min	Tahap Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.20	Sangat rendah
2.21 hingga 3.41	Rendah
3.42 hingga 4.62	Sederhana
4.63 hingga 5.83	Tinggi
5.84 hingga 7.00	Sangat tinggi

Sumber: Best &amp; Khan (1977)

Jadual 2 Interpretasi Min Tahap Pelaksanaan Program i-THINK

## DAPATAN KAJIAN

### Profil Responden

Pengkaji telah mengedarkan soal selidik pelaksanaan Program i-THINK secara dalam talian menggunakan aplikasi *Google Forms* setelah mendapat keizinan pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah untuk menjalankan kajian di sepuluh buah daerah di Selangor, iaitu Gombak, Hulu Langat, Hulu Selangor, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling Perdana, Petaling Utama, Sabak Bernam dan Sepang. Garis haluan pensampelan pelbagai peringkat (multi-stage sampling) digunakan untuk memilih sampel dalam kajian ini seperti dicadangkan oleh Salkind (2012); Ackoff (1953). Hasil maklum balas mendapati 500 orang peserta telah menjawab soal selidik tersebut. Jadual 3 menunjukkan profil demografi responden berdasarkan jantina dan daerah.

Latar belakang	Perincian	Bilangan Sampel	Peratus	Jumlah
Jantina	Lelaki	95	19.0	500
	Perempuan	405	81.0	
Daerah Guru Berkhidmat	Gombak	66	13.2	500
	Hulu Langat	87	17.4	
	Hulu Selangor	28	5.6	
	Klang	82	16.4	
	Kuala Langat	30	6.0	
	Kuala Selangor	34	6.8	
	Petaling Perdana	90	18.0	
	Petaling Utama	41	8.2	
	Sabak Bernam	18	3.6	
Sepang	24	4.8		

Jadual 3 Demografi Peserta Kajian (n=500)

### Pelaksanaan Program i-THINK Dari Dimensi Input

Secara tuntas, pelaksanaan Program i-THINK dari dimensi input mencatatkan min yang tinggi, iaitu (min=5.15, SP=1.03). Secara perinciannya pula, didapati ketiga-tiga konstruk yang dikaji mencatatkan tahap min tinggi. Konstruk yang mencatatkan min yang paling tinggi adalah konstruk 'Bahan bantu mengajar', sementara konstruk yang mencatatkan min paling rendah walaupun dalam kategori tinggi adalah 'fizikal bilik darjah' dengan mencatat skor min= 4.86, SP=1.15.

### Latihan Dalaman

Jadual 4 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap konstruk latihan dalaman yang merangkumi enam item. Analisis deskriptif Jadual 4 menunjukkan skor min yang paling tinggi adalah pada item ke-6, iaitu: "sentiasa membantu saya dalam melaksanakan PdPc yang berkesan" dengan min=5.36 dan SP=1.16. Seterusnya, tahap min terendah walaupun kategori tinggi diperoleh pada item ke-2, iaitu: "diberikan kepada semua guru secara konsisten" dengan min=5.17 dan SP=1.25. Ringkasnya tahap persepsi responden terhadap latihan dalaman berada pada tahap tinggi. Min secara seluruh ialah min= 5.31 dengan SP= 1.11.

Bil	Konstruk dan Item Dimensi Input	Min	Sisihan piawai
a. Latihan dalaman		5.31	1.11
1	Diadakan kepada semua guru.	5.32	1.188
2	Diberikan kepada	5.17	1.258

	semua guru secara konsisten.		
3	Diberi oleh pakar kementerian/guru panitia/PEMANDU /JU Program i-THINK yang bertauliah.	5.34	1.257
4	Merangkumi aspek teori mahupun praktikal.	5.30	1.216
5	Meningkatkan tahap profesionalisme saya.	5.35	1.172
6	Sentiasa membantu saya dalam Melaksanakan PdPc yang berkesan.	5.36	1.160

Jadual 4: Latihan Dalaman

### Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Jadual 5 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap bahan bantu mengajar yang mengandungi lima item. Analisis deskriptif dalam Jadual 5 menunjukkan skor min yang paling tinggi ialah pada item ke-9, iaitu: “Membantu saya menjelaskan isi pelajaran dengan lebih jelas” dengan  $\text{min}=5.37$  dan  $\text{SP}=1.14$ . Seterusnya, min terendah diperoleh item ke-11: “Terdapat pelbagai bentuk BMM Program i-THINK di sekolah saya” dengan  $\text{min}=5.09$  dan  $\text{SP}=1.18$ . Ringkasnya, tahap persepsi responden terhadap bahan bantu mengajar berada pada tahap tinggi. Tahap min keseluruhan ialah  $\text{min}=5.26$  dengan  $\text{SP}=1.09$ .

Konstruk dan Item Dimensi Input		Min	Sisihan piawai
Bil	b.Bahan bantu mengajar (BBM)	5.26	1.09
1	Ditambah mengikut keperluan perubahan silibus.	5.29	1.18
2	Memberi panduan kepada saya melaksanakan PdPc yang berkesan.	5.30	1.17



3	Membantu saya menjelaskan isi pelajaran dengan lebih jelas.	5.37	1.14
4	Sentiasa diperkemas mengikut bahan terkini.	5.28	1.19
5	Terdapat pelbagai bentuk BMM Program i-THINK di sekolah saya.	5.09	1.18

Jadual 5 Bahan Bantu Mengajar

### Fizikal Bilik Darjah

Jadual 6 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap fizikal bilik darjah yang mengandungi lima item. Analisis deskriptif Jadual 6 menunjukkan skor min yang paling tinggi ialah pada item ke-16, iaitu: “Ruang untuk paparan hasil kerja murid disediakan bagi melaksanakan Program i-THINK” dengan min=5.04 dan SP=1.20. Seterusnya, min terendah diperoleh pada item ke-14, iaitu: “Susun atur bilik darjah sesuai bagi melaksanakan Program i-THINK” dengan min=4.77 dan SP=1.28. Jelasnya, tahap persepsi responden terhadap fizikal bilik darjah berada pada tahap tinggi. Min keseluruhan ialah min=7.56 dengan SP = 2.25.

Konstruk dan item Dimensi Input		Min	Sisihan piawai
Bil.	c.Fizikal bilik darjah	4.86	1.15
1	Peralatan fizikal bilik darjah adalah mencukupi bagi melaksanakan Program i-THINK.	4.81	1.18
2	Ruang sedia bersifat selesa bagi melaksanakan Program i-THINK.	4.84	1.22
3	Susun atur bilik darjah sesuai bagi melaksanakan Program i-THINK.	4.77	1.28
4	Bilik darjah kondusif bagi melaksanakan Program i-THINK.	4.83	1.25

---

5	Ruang untuk paparan hasil kerja murid disediakan bagi melaksanakan Program i-THINK.	5.04	1.20
---	-------------------------------------------------------------------------------------	------	------

---

Jadual 6 Fizikal Bilik Darjah

Rumusan yang dapat dibuat ialah responden dalam kajian ini mempunyai tahap persepsi yang tinggi terhadap latihan dalaman, bahan bantu mengajar dan fizikal bilik darjah.

## PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Penilaian terhadap pelaksanaan Program i-THINK dari dimensi input dalam kajian ini meliputi konstruk latihan dalaman, bahan bantu mengajar dan fizikal bilik darjah. Konstruk latihan dalaman yang terdapat dalam dimensi input berada dalam kategori tahap persepsi guru yang tinggi. Secara khususnya, konstruk latihan dalaman dalam kajian ini merujuk kepada latihan dalaman tentang pelaksanaan Program i-THINK kepada semua guru serta diberi secara konsisten oleh pihak yang bertauliah.

Hasil kajian ini selari dengan pandangan Alper, William dan Hyerle (2012) bahawa latihan yang cukup wajar diberikan kepada guru supaya dapat mengaplikasikan Program i-THINK secara efektif. Ditinjau dari sudut yang lain pula, dapatan ini bercanggah dengan dapatan kajian Norazilawati (2020). Menurut kajian Norazilawati (2020), guru masih memerlukan latihan berterusan selama-lamanya bagi memantapkan pengetahuan serta kemahiran mereka. Tan et al., (2019) turut menyokong pandangan Norazilawati (2020) dengan menyatakan bahawa kekurangan latihan dalaman secara konsisten menyebabkan kekurangan produktiviti dalam bidang kerja. Walau bagaimanapun, kajian ini menunjukkan guru berpuas hati dengan latihan dalaman sebagai pemberian dalam pelaksanaan Program i-THINK. Di samping itu, pengkaji juga mencadangkan agar guru menggunakan kaedah Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) berdasarkan sumber kepakaran dalam kalangan warga guru yang mahir untuk memberikan latihan dalaman yang berterusan.

Seterusnya, persepsi responden terhadap bahan bantu mengajar menunjukkan secara keseluruhannya berada pada peringkat yang tinggi. Guru berpandangan bahawa bahan bantu mengajar Program i-THINK memberi panduan untuk melaksanakan PdPc yang berkesan. Hal ini turut dinyatakan oleh Siti Fatimah dan AB. Halim (2010) bahawa bagi membuka ruang yang luas, guru dapat menggunakan bahan bantu mengajar demi mengimplementasikan segala teori, kemahiran dan kepakaran yang disediakan dalam pelaksanaan PdPc. Dapatan kajian ini dilihat sederet dengan dapatan kajian Wei dan Maat (2020) dan kajian Sapti (2019) di mana mereka menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar yang munasabah dapat memudahkan PdPc guru. Turut disokong oleh Haliza dan Joy, (2009) bahawa bahan bantu mengajar membantu guru dalam menyampaikan PdPc haruslah dalam bentuk yang jelas serta penyusunan idea yang sistematik supaya lebih jelas difahami oleh murid terhadap pelaksanaan Program i-THINK. Berasaskan hasil kajian ini, pengkaji juga mencadangkan kepada pihak pentadbir agar sentiasa memantau kecukupan bahan bantu mengajar supaya dapat dikemas kini pada setiap masa serta guru sentiasa gembira dan berpuas hati dengan proses PdPc.

Sementara itu, persepsi guru terhadap kemudahan fizikal bilik darjah turut menunjukkan tahap min berada dalam kategori tinggi. Nilai min memberi makna bahawa sebahagian besar responden kajian ini bersetuju dengan peralatan fizikal bilik darjah, ruangan tersedia bersifat selesa, susun atur bilik darjah, bilik darjah kondusif serta ruang untuk paparan hasil kerja murid disediakan bagi menjalankan Program i-THINK. Dapatan kajian ini turut disokong oleh Norazilawati (2020) bahawa fizikal bilik darjah yang mempunyai penyusunan kerusi mengikut kumpulan, tempat untuk memaparkan pelbagai peralatan yang berkaitan mata pelajaran, BBM serta papan kenyataan untuk mempamerkan hasil kerja murid akan sentiasa membantu dalam proses PdPc murid dengan guru. Begitu juga dengan pandangan Ea Ah Meng (1994); Guy, (1999); Haliza dan Joy, (2009) yang menyokong kajian ini dan turut menyatakan bahawa aspek utama dalam fizikal bilik darjah haruslah bersifat selesa, dilengkapi dengan peralatan serta bilik yang kondusif untuk memudahkan PdPc dalam pelaksanaan Program i-THINK. Namun begitu, terdapat juga kajian-kajian yang berbantahan dengan hasil kajian ini. Misalnya hasil kajian Nur Rohazirah (2022) di mana beliau menyatakan persepsi guru terhadap keselesaan fizikal bilik darjah masih mencapai tahap sederhana. Seterusnya, hasil kajian Khadijah dan Azimin Samsul (2013) yang menunjukkan bahawa guru menghadapi masalah dalam fizikal bilik darjah seperti kurang selesa bagi melaksanakan proses PdPc. Memandangkan fizikal bilik darjah juga dianggap sebagai nadi utama dalam proses PdPc murid bersama guru, maka pihak pentadbir perlu sentiasa memantau untuk memastikan segala aspek seperti keselesaan bilik darjah, peralatan dan bahan bantu mengajar adalah mencukupi bagi proses PdPc. Perkara ini turut disokong oleh Preeti dan Kiran (2012) yang menerangkan bahawa pencapaian PdPc yang berkesan amat bergantung terhadap fizikal bilik darjah yang selesa dan kondusif untuk murid dan guru.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan, kajian ini telah mencapai objektif dalam pelaksanaan Program i-THINK dari dimensi input. Kajian secara berterusan boleh dijalankan bagi meninjau pelaksanaannya dari dimensi konteks, proses dan produk. Rumusannya, dari segi persepsi guru dalam pelaksanaan Program i-THINK, dapat dikatakan bahawa guru sangat bersetuju dengan latihan dalaman, bahan bantu mengajar dan kemudahan fizikal bilik darjah. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia harus sentiasa memastikan kecukupan sumber kepada sekolah dan guru supaya dapat mencapai objektif Program i-THINK serta merealisasikan hasrat FPK dan PPPM (2013-2025).

## **RUJUKAN**

- Abdullah, N., Wahab, N. A., Noh, N. M., Abdullah, E. M., & Ahmad, A. 2016. The evaluation and effectiveness of School Based Assessment among Science teachers in Malaysia Using CIPP Model. *International Journal of Advanced and Applied sciences* 3(11): 1-7.
- Ackoff, R.L. 1953. *The Design of Social Research*. Chicago: University of Chicago Press.
- Alper, L., Williams, K., & Hyerle, D. 2012. *Developing connective leadership: Success with Thinking Maps*. United States of America: Solution Tree Press.

- Aziz, F. A. A., & Abd Rahman, F. 2018. Sorotan kajian kesediaan dan keperluan guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di bilik darjah. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature* 9: 80-101.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2012b. Program i-THINK: membudayakan kemahiran berfikir. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/bpk>
- Best, J & Kahn, J. 1977. *Research in education. 9<sup>th</sup> ed.* Chicago: University of Illinois.
- Daud, R., & Ab Rahman, R. 2020. Persepsi Guru terhadap Penggunaan Peta Pemikiran I-Think dalam Pengajaran Pendidikan Islam [Perception of The Use of i-Think Thoughts Map in Islamic Education Teaching]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 124-140.
- Ee Ah Meng. 1994. *Psikologi Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Gallavan, N. P., & Kottler, E. 2007. Eight types of graphic organizers for empowering social studies students and teachers. *The Social Studies* 98(3): 117-128.
- Ghazali Darussalam. 2010. Program Evaluation in Higher Education. *The International Journal of Research and Review* 5(2): 56-65.
- Guy, T. C. 1999. Culture as context for adult education: The need for culturally relevant adult education. *New Directions for Adult and Continuing Education* 82: 5-18.
- Hamzah H. & Samuel J. N. 2009. *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku*. Selangor: Herald Printers SdnBhd.
- Hyerle, D. 2006. *Thinking Maps A visual language for thinking and learning. Thinking Maps. Inc.* North Carolina: Thinking Maps, Inc.
- Khadijah, K. & Azimin Samsul, MT. 2013. Thermal comfort assessment of a classroom in Tropical climate conditions. *Recent Advances in Energy, Environment & Development* 30(1): 87-91.
- Layang, F. A., & Mahamod, Z. 2019. Tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap Bahasa Melayu sekolah rendah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran peta pemikiran i-Think. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 44(1): 37-44.
- Lynn, M.R. 1986. Determination and Quantification of Content Validity. *Nursing Research* 35: 382– 385
- Madina Taha. 2014. Investigating the Success of E-Learning in Secondary Schools: The Case of the Kingdom of Bahrain. Tesis Dr.Falsafah. Brunel University, London.
- Norazilawati Abdullah. 2020. *Trend dan Isu Pendidikan Abad ke-21*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Rosnizasuzila Nik Hassan, Azlina Mohd Kosnin & Zakiah Mohamad Ashari. 2015. Keperluan Modul I-THINK dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah. *2nd International Education Postgraduate Seminar*, hal. 1–7.
- Ornstein, A.C., & Hunkins, F.P. 1998. *Curriculum Foundations, Principles and Issues. Edisi ke-3*. Boston: Allyn & Bacon.
- Pauzi, H. M., Saim, N. J., Kusenin, N. S., & Kamaluddin, M. R. 2017. Evaluation of Children's Rehabilitation Program by using the CIPP Model. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(3): 324-332.
- Penampang, D. A. N. 2020. Pelaksanaan Program i-Think dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Sekolah Rendah di Daerah Papar dan Penampang, Sabah. *Jurnal Penyelidikan TEMPAWAN* Jilid XXXVII: 69-81.
- Preeti, T., & Kiran, U. V. 2012. Infrastructural facilities for differently abled students-A comparative study of Government and non-government institutions. *International Research Journal of Social Sciences* 1(3): 21-25.
- Premalatha, S., & Nor Hasnida Che Md Ghazali. 2021. I-Think Maps : A Practical Tool for Organizing Teaching Techniques. *E-Proceeding of the 1<sup>st</sup> International, Conference On Technology, Education And Management (ICTEM 2021)*.

- Ranita Manap, Norziah Othman, Siti NurashidahRoslan, Khairunnisa Ismail & Aimi Fadzirul Kamarubahrin. 2018. Konsep dan Model Penilaian Terhadap Keberkesanan Program Kerohanian Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Malaysia. *5th International Research Management & Innovation Conference, August, 1–19*.
- Roslan, N. R. & Tahar, M. M. 2022. Persepsi guru pendidikan khas terhadap persekitaran fizikal bilik darjah Kelas Pendidikan Khas Pembelajaran. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(3): 69-81.
- Salkind, N. J. 2012. *Exploring Research*. t.tp.: Hoboken
- Shamsazila Saa'aban, Faizal, Muhammad & Darusalam, Ghazali. 2022. Penilaian Ke Atas Input Program i-Think dari persepektif guru.
- Shamsazila Sa'aban. 2018. *Penilaian Program i-Think di Sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sapti, M. 2019. Comparing Model-Building Process: A model prospective teachers used in interpreting students' Mathematical thinking. *Journal on Mathematics Education* 10(2): 171-184.
- Siti Fatimah, A. & AB. Halim, T. 2010. Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu Mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2): 53–64.
- Tan, M. & Le, Q. 2019. Efficientnet: Rethinking model Scaling for Convolutional Neural Networks. In *International conference on machine learning*, hal. 6105-6114.
- Termit, K. & Noorma, H. 2015. Teachers' Readiness to Utilize Frog VLE: A Case Study of a Malaysian Secondary School. *British Journal of Education, Society & Behavioural Science* 5(1): 20-29.
- Tuna, H., & Başdal, M. 2021. Curriculum evaluation of tourism undergraduate programs in Turkey: A CIPP model-based framework. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport & Tourism Education* 29: 100324.
- Vishalache, B., Renuka, V., Suzieleez Syrene Abdul Rahim., Loganathan, R., Adelina, A., Ummadevi, S., et al. 2014. *Aplikasi i-THINK dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Weis, L. A. 2009. Effect of Thinking Maps on Student's Higher Order Thinking Skills. (Action research paper, California State University, Northridge). Retrieved from [http://www.csun.edu/~law86786/coursework/697/Action\\_Research\\_Paper-Weis.pdf](http://www.csun.edu/~law86786/coursework/697/Action_Research_Paper-Weis.pdf)
- Wei, W. K. & Maat, S. M. 2020. The attitude of primary school teachers towards STEM education. *TEM Journal* 9(3): 1243–1251.
- Yusuf, M. S. A., Man, N., Haris, N. B., Ismail, I. A., & Maruf, A. 2022. Program evaluation on urban agriculture Malaysia: A review of evaluations using Cipp Evaluation Model approach. *International Journal Of Special Education* 37(3s).
- Zaini Abdullah. 2011. Pengenalan Kepada Falsafah, Pendidikan, Falsafah Pendidikan dan Kurikulum. t.tp.: t.pt.
- Zemenu, T. 2022. *Evaluating The Practices and Challenges of Youth Volleyball Development In Amhara Regional State*. Doctoral dissertation.